

**Najib Perkukuh Dasar Luar Negara Di Persada Antarabangsa
Bernama
Feb 19, 2016
Oleh Siti Zubaidah Abdullah**

KUALA LUMPUR, 19 Feb (Bernama) -- Sejak menerajui kepimpinan negara pada 2009, Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak berjaya membawa Malaysia menjadi gah di persada dunia.

Kewibawaan Najib di pentas antarabangsa selalu menyerlah dan menonjol semasa Malaysia selaku Pengerusi ASEAN menganjurkan dua sidang kemuncak ASEAN pada tahun lepas.

Inisiatif Malaysia menjadikan 'ASEAN Berpaksikan Rakyat' mendapat sambutan baik daripada para pemimpin ASEAN, yang turut menerima pakai 'Deklarasi Kuala Lumpur mengenai ASEAN yang berorientasikan dan berpaksikan rakyat' semasa Sidang Kemuncak ASEAN ke-27.

Deklarasi itu sangat bermakna kepada Najib kerana ia meneruskan legasi ayahanda beliau Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein yang ketika itu merupakan menteri luar bersama empat rakan sejawatannya dari Indonesia, Filipina, Singapura dan Thailand semasa mereka menandatangani Deklarasi Bangkok yang membawa kepada penubuhan ASEAN.

Di pentas antarabangsa termasuk di Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa Bersatu, Najib sentiasa memperjuangkan konsep kesederhanaan dan menentang keganasan.

Pada 2 Okt tahun lepas, Perdana Menteri lantang bersuara mengutuk rejim Tel Aviv kerana menceroboh wilayah diduduki dan menyeru agar ketidakadilan yang dilakukan terhadap rakyat Palestin dihentikan untuk selama-lamanya.

Semasa merasmikan Sidang Kemuncak ASEAN Ke-27 pada 21 Nov tahun lepas, perdana menteri menyampaikan ucapan tegas terhadap fahaman pelampau dan kumpulan pengganas dengan menegaskan bahawa penyelesaian baharu perlu dicari untuk mengatasi masalah itu.

Sebagai pemimpin nombor satu negara, Najib turut memperkukuhkan lagi hubungan Malaysia dengan China menerusi pelbagai bidang sepertimana langkah yang telah dimulakan semasa ayahandanya terdahulu.

Ia selaras dengan kedudukan Malaysia yang kekal menjadi rakan dagang ASEAN terbesar China selama enam tahun berturut-turut sejak 2008.

Perdana menteri juga cekal menghadapi ujian terutama apabila Malaysia berdepan tragedi kehilangan pesawat Malaysia Airlines (MAS) penerbangan MH370 dan penerbangan MH17 yang ditembak jatuh pada 2014.

Kebijaksanaan beliau menangani tragedi itu mendapat pujian pemimpin negara luar termasuk Perdana Menteri India Narendra Modi.

Kebijaksanaan beliau menangani tragedi itu mendapat pujian pemimpin negara luar termasuk Perdana Menteri India Narendra Modi.

Pakar Geostrategis daripada Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Prof Dr Azmi Hassan berkata Dasar Luar yang diamalkan Najib adalah pragmatik kerana setiap keputusan yang dibuatnya adalah berdasarkan kepentingan negara sehingga meletakkan Malaysia dihormati oleh masyarakat antarabangsa dan kalangan negara Islam.

"Malaysia dianggap contoh terbaik kerana pendekatannya sederhana dan progresif. Contohnya pada 2009, apabila Barack Obama dilantik presiden Amerika Syarikat (AS) dan buat pertama kali membuat ucapan di Kaherah, beliau menggunakan contoh Malaysia sebagai sebuah negara Islam yang patut dicontohi," katanya kepada Bernama.

Azmi berkata insiden pesawat MH370 yang hilang pada 8 Mac 2014 dan penerbangan MH17 yang ditembak jatuh pada 17 Julai 2014 serta peristiwa sepanjang 2015 merupakan manifestasi tentang ketelusan dasar luar yang diamalkan Najib.

Prinsip dasar luar Najib yang pragmatik terserlah ketika beliau berdepan nahas pesawat MH17 yang mengorbankan 298 orang termasuk 43 rakyat Malaysia.

-- BERNAMA

Copyright © 2015 BERNAMA

<http://www.bernama.com/bernama/v8/newsindex.php?id=1217541>